

17/07/1999

Perkhidmatan lapangan terbang perlu dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengendali lapangan terbang generasi baru perlu memberi tumpuan ke arah meningkatkan tahap mutu perkhidmatan, berikutan peningkatan sistem pengangkutan lain seperti jalan raya dan rel.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, memandangkan hanya pengendali kemudahan berasaskan pelanggan akan mencapai kejayaan, perkhidmatan lapangan terbang perlu cekap dan berpatutan untuk memberi manfaat kepada masyarakat.

"Lapangan terbang kini semakin bersaing dengan pembangunan menyeluruh dalam sistem rangkaian jalan raya dan rel.

"Sehubungan itu, tumpuan ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan perlu menjadi syarat utama bagi lapangan terbang masa depan," katanya dalam pesanan khas sempena Persidangan Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI) - Asia Pasifik 1999.

Persidangan empat hari bertemakan 'Lapangan Terbang Generasi Baru' bermula Ahad ini, dijangka disertai 250 pakar industri penerbangan dunia. Perdana Menteri dijadual merasmikan persidangan anjuran Malaysia Airports Berhad (MAB) itu.

Perdana Menteri berkata, kemudahan pengangkutan udara dan penerbangan di Malaysia meningkat, selaras pertumbuhan ekonomi.

"Walaupun berlaku kegawatan ekonomi di rantau ini, perniagaan lapangan terbang kekal amat lumayan di Malaysia," katanya.

Menurut Dr Mahathir, negara-negara di lingkungan Asia Pasifik menikmati pertumbuhan trafik udara menggalakkan pada masa lalu, dan penganalisis baru-baru ini meramalkan rantau itu akan kekal sebagai kuasa dominan di peringkat dunia.

Beliau menegaskan, lapangan terbang wajar menjadi penggerak perdagangan dan pelancongan selain menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi dan kemakmuran.

"Sehubungan itu, perancangan jangka panjang penting ke arah memastikan kemudahan dibangunkan, mampu menampung potensi sepenuhnya lapangan terbang sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir juga meminta perwakilan persidangan itu, untuk melihat lapangan terbang dalam perspektif baru, iaitu sebagai satu destinasi dalam erti kata sebenarnya.

"Dalam konteks ini, saya berharap lapangan terbang generasi baru Malaysia sendiri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan menawarkan pengalaman menarik kepada peserta persidangan," katanya.

(END)